

**TEKS UCAPAN Y.BHG. LT. KOL PROF. DATUK DR KAMARUZAMAN HJ. AMPON
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PENUTUPAN KURSUS PENDRAFAN PATEN, HOTEL LE MERIDIEN KOTA
KINABALU PADA 27 JUN 2008**

Bismillahir Rahmannir Rahim

*Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera
Terima kasih Pengacara Majlis,*

*Yang Berusaha Puan Yusnieza Syarmila Yusoff,
Ketua MyIPO Cawangan Sabah,*

*Yang Berusaha Prof. Dr Awang Bono,
Pengarah Inovasi,
Pusat Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah,*

*Yang Berbahagia En. Ridhwan Ali,
Pegawai Pemeriksa Paten
selaku penceramah Kursus*

Dekan-Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan,

Para Peserta Kursus

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama Pusat Latihan Harta Intelek (IPTC) dan MyIPO cawangan Sabah atas usaha mengadakan kursus ini. Kursus Pendrafan Paten yang berlangsung selama lima hari ini merupakan antara usaha awal dan berterusan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) dalam membina keupayaan, kemahiran dan pengetahuan berkenaan kepentingan perlindungan harta intelek di kalangan penyelidik.

Di Malaysia, terdapat beberapa jenis IPT mengikut ketetapan dan pengelasan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Antaranya adalah Research University (RU), Comprehensive University (CU) dan Teaching University (TU). Research University (RU) di Malaysia hanya terdiri daripada empat Universiti antaranya **Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.** Pengiktirafan sebagai Research University (RU) antara lainnya melihat kepada milikan harta intelek iaitu jumlah penyelidikan yang berjaya dipatenkan.

Universiti Malaysia Sabah sebagai sebuah institusi ilmu yang dikategorikan sebagai Universiti Komprehensif, turut fokus dalam sektor penyelidikan kerana menyedari akan kepentingan Paten dengan Penyelidikan dan Inovasi. Justeru itu segala usaha yang menjurus kepada usaha-usaha memperkemaskan lagi pencapaian dalam sektor ini akan sentiasa diberikan perhatian. Segala usaha telah mula digiatkan sejak terbentuknya Dasar Harta Intelek Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2002.

Usaha UMS ini juga adalah bertitik-tolak daripada saranan Kementerian Pengajian Tinggi yang peka kepada perkembangan harta intelek di peringkat global. Dengan memiliki dasar harta intelek masing-masing, maka iaanya akan mampu menjadi pemangkin kepada usaha penyelidikan dengan bertindak sebagai salah satu penanda aras kepada keupayaan universiti

dalam mengembangkan output penyelidikan dan seterusnya memperbaiki *ranking* di peringkat antarabangsa.

Usaha pemantauan perkembangan harta intelek di Malaysia dilakukan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang telah melancarkan Dasar Harta Intelek Negara (DHIN) pada Jun 2007. Pelan DHIN menetapkan tiga (3) fokus utama dalam tempoh lima (5) tahun perlaksanaannya secara berperingkat dan akan berakhir serentak pada Disember 2012. Matlamat bina upaya menjadi fokus utama dasar ini dan akan mengambil tempoh bermula dari Jun 2007 hingga Disember 2012. Manakala, matlamat penaiktarafan infrastruktur menjadi fokus kedua yang bermula dari Januari 2008 hingga Disember 2012. Matlamat peningkatan nilai ciptaan pula menjadi fokus yang ketiga, iaitu dari Jun 2007 dan turut berakhir pada Disember 2012.

Menyedari kepentingan perlindungan harta intelek di peringkat pengajian tinggi di Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mempertanggungjawabkan dan mengamanahkan kesemua IPTA di Malaysia agar meneliti dasar Harta Intelek Negara (DHIN) agar selari dengan Dasar Harta Intelek yang telah terlaksana di semua peringkat Universiti. Ini adalah penting bagi mempastikan matlamat, objektif dan fokus Dasar Harta Intelek Negara (DHIN) adalah seiring dengan matlamat, objektif dan fokus dasar harta intelek di setiap IPTA di Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Peranan universiti dalam mengisi program yang akan dilaksanakan adalah cukup luas. Universiti bukan sahaja dilihat sebagai gedung ilmu, malah merupakan institusi penyelidikan dan pembangunan teknologi baru yang sangat berpotensi. Memandangkan harta intelek merupakan suatu *intangible asset* yang bersifat universal, maka kewujudannya adalah meliputi segenap lapisan bidang dan merangkumi pelbagai aspek teknologi dan ekonomi.

Atas alasan berkenaan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merasakan penglibatan secara terus daripada kalangan IPTA di Malaysia adalah suatu yang difikirkan perlu. Tambahan pula, selaras dengan Perlaksanaan Dasar Harta Intelek Negara (DHIN), cadangan pembiayaan Tabung Harta Intelek (THI) berjumlah RM5 bilion untuk tempoh 5 tahun perlaksanaan turut diumumkan. Tabung Harta Intelek (THI) mencakupi bukan sahaja bantuan dari segi penyelidikan dan pembangunan, malah merangkumi pendaftaran harta intelek dan seterusnya aspek pengkomersilan.

Dalam pada itu, kursus ini juga diharapkan menjadi penerus komitmen PPI dalam membudayakan dan seterusnya memperkasakan milikan harta intelek di kalangan penyelidik dan kakitangannya. Semoga dengan wujudnya kesedaran untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang harta intelek, usaha pembangunan dan penyelidikan di UMS akan terus berkembang dan jumlah penyelidikan yang berjaya dipatenkan akan terus meningkat dari masa ke semasa.

Sekalung tahniah kepada semua peserta kursus kerana berjaya menamatkan tempoh lima hari kursus berlangsung dan berharap agar semua penyelidik mendapat ilmu dan manfaat yang berguna tentang kepentingan perlindungan harta intelek di peringkat universiti. Saya juga berharap agar komitmen universiti dengan IPTC dan MyIPO menjayakan kursus ini merupakan satu detik yang amat signifikan dalam usaha semua pihak yang terlibat menjayakan matlamat negara menuju negara maju yang diserikan lagi dengan hasil-hasil penyelidikan dan inovasi berpaten yang bermutu dan berkualiti tinggi.

Dengan harapan itu dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanir Rahim* saya dengan sukacitanya MENUTUP KURSUS PENDRAFAN PATEN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2008 DENGAN RASMINYA. Sekian, Wassalammualaikum wbt.jdbpk